

MAHATHIR adalah Mahathir. Mereka yang mengikuti perjalanan hidup Perdana Menteri, sebelum dan selepas menjadi penghuni Seri Perdana, sudah pasti tiba kepada kesimpulan serupa itu.

Ini kerana dalam tindak-tanduknya, Datuk Sri Dr. Mahathir kerap kali menonjolkan dirinya sebagai seorang yang tidak mudah dipengaruhi oleh sesiapa termasuk oleh mereka yang merasakan diri mereka rapat dengan beliau. Jika keputusan yang beliau buat itu adalah sama seperti yang dikehendaki oleh kalangan tertentu yang hampir dengannya, apa yang berlaku adalah secara kebetulan.

Datuk Sri Dr. Mahathir tidak boleh dipengaruhi dalam membuat sebarang keputusan kerana beliau mempunyai fikiran yang bebas dan cara bertindak tersendiri yang boleh membuat orang lain tersentak atau meninggalkan kejutan terhadap orang-orang di sekelilingnya.

Inilah yang berlaku dengan tindakan beliau menahan mereka yang didakwa oleh polis boleh menghuru-harakan negara serta menarik lesen penerbitan tiga buah akhbar pada 28 Oktober lalu itu.

Tindakan yang telah beliau ambil itu mungkin tidak disenangi oleh sesetengah pihak. Ini kerana dalam melakukan penahanan, Datuk Sri Dr. Mahathir telah tidak memilih bulu. Yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), bukan saja berasaskan musuh-musuh politik beliau, tetapi ada antara mereka orang-orang partinya sendiri dan dikatakan mempunyai hubungan yang rapat dengan beliau.

Ini membayangkan bahawa dalam bertindak, Datuk Sri Dr. Mahathir telah tidak dipengaruhi oleh sesiapa. Beliau membuat perhitungan sendiri secara bebas setelah menimbang laporan pihak polis yang profesional dan tidak menjadi boneka kepada sesiapa seperti kata Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar.

Tindakan beliau itu walaupun dianggap keterlaluan oleh sesetengah pihak, tetapi diterima oleh pihak yang lain dengan cara yang positif. Mereka melihat bahawa tindakan Datuk Sri Dr. Mahathir itu telah memulihkan keyakinan rakyat terhadap kepimpinan beliau serta kemampuan beliau untuk

MAHATHIR ADALAH MAHATHIR

terus memimpin.

Ini kerana sejak waktu kebelakangan ini, terdapat kecenderungan di kalangan para pengkritik beliau untuk mengatakan bahawa pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO seolah-olah sudah kehilangan haluan.

Malah ada yang berani mengatakan bahawa dalam membuat sebarang keputusan Datuk Sri Dr. Mahathir lebih mendengar nasihat beberapa orang yang rapat dengan beliau dan mengambil tindakan berdasarkan nasihat dan kehendak orang lain.

Datuk Sri Dr. Mahathir digambarkan oleh golongan ini sebagai tidak mampu membuat keputusan sendiri secara bebas dan jujur seperti sebelum ini. Beliau juga digambarkan telah melakukan pilih kasih atau *favouritism* sehingga ada kalangan tertentu yang rapat dengan beliau mengambil kesempatan menjual nama beliau untuk kepentingan diri mereka.

Tetapi tindakan tegas yang beliau ambil baru-baru ini telah memulihkan imej pimpinan beliau sebagai seorang pemimpin yang tegas, bebas dan tidak teragak-agak untuk mengenakan tindakan ke atas mereka yang boleh mencemarkan nama baik beliau dan kerajaan.

Mereka yang selama ini terdorong untuk membuat itu ini atas nama Datuk Sri Dr. Mahathir dan tanpa pengetahuan beliau, sudah pasti lebih berhati-hati kerana dalam bertindak tempoh hari Datuk Sri Dr. Mahathir memperlihatkan bahawa beliau tidak akan berkompromi dengan mereka yang menyalahgunakan kebebasan di bawah dasar liberal yang beliau anjurkan.

Barangkali inilah isyarat yang ditunggu oleh ramai orang sejak sekian lama yang ingin melihat Datuk Sri Dr. Mahathir kembali kepada karektor asalnya sebagai seorang yang tidak tunduk kepada tekanan mana-mana pihak termasuk dari orang-orang yang diberi kepercayaan di jawatan-jawatan penting untuk membantu beliau mentadbirkan negara.

Barangkali ini adalah satu peringatan kepada mereka bahawa beliau memerlukan sokongan jitu dan padu mereka untuk menjadikan bangsa Malaysia sebagai satu bangsa yang bermaruah dan tidak dipandang rendah oleh sesiapa dalam arena antarabangsa.

Sokongan ini selama ini tidak begitu diperolehi kerana ada antara orang-orang kepercayaan beliau sendiri lebih banyak bekerja untuk memantapkan kedudukan me-



Dr. Mahathir tidak boleh dipengaruhi dalam membuat sebarang keputusan kerana beliau mempunyai fikiran yang bebas dan cara bertindak

reka di dalam kerajaan dengan membina empayar mereka sendiri di tempat-tempat di mana mereka diletakkan.

Ini dilakukan terutamanya oleh mereka yang mempunyai cita-cita politik yang lebih tinggi di masa depan dan melihat bahawa kesempatan bergayut pada Datuk Sri Dr. Mahathir merupakan peluang keemasan bagi mereka untuk mengukuhkan kedudukan mereka. Tugas utama mereka membantu Datuk Sri Dr. Mahathir telah diketepikan atau diabaikan. Bagi Datuk Sri Dr. Mahathir sejak mengambil alih pimpinan negara sejak 1981, inilah dilema yang beliau hadapi.

Malah bukan mereka yang dekat dengan beliau saja yang mengambil kesempatan. Oleh kerana Datuk Sri Dr. Mahathir mengamalkan dasar liberal dan terbuka, berbagai pihak merasakan bahawa Perdana Menteri adalah seorang antara mereka.

Ini termasuk bagi golongan radikal di negara ini yang telah menggunakan kesempatan untuk menonjolkan keagungan perjuangan mereka dalam politik tanahair yang selama ini tersisih atau tertindas. Malah kumpulan pendesak yang menggalakkan pembaharuan, golongan yang tidak boleh ditegur atau disentuh, juga mengambil kesempatan dengan mengesyorkan berbagai cadangan termasuk meminda perlembagaan negara yang bukan menjadi bidang tugas mereka.

Parti-parti dalam Barisan Nasional juga tidak ketinggalan. Mereka menimbulkan berbagai persoalan, antaranya termasuk mempertikai dasar-dasar asas yang termaktub dalam perlembagaan negara yang dipersetujui oleh pemimpin awal yang mewakili kepentingan bukan Melayu. Status Melayu sebagai pribumi negara ini ditimbulkan. Mereka cuba dianggap sebagai orang pendatang sama seperti orang Cina dan India.

kan dasar berkecuali pro Barat Perdana-Perdana Menteri sebelum ini kerana Malaysia sebuah negara kecil yang ekonominya bergantung pada penjualan komoditi ke pasaran negara-negara maju.

Datuk Sri Dr. Mahathir telah memeranjatkan mereka dengan cita-cita untuk menjadikan Malaysia negara bermaruah dan tidak dipandang rendah oleh Amerika atau Eropah. Malaysia mungkin kecil, tetapi Datuk Sri Dr. Mahathir berpendapat bahawa dunia bukan milik negara-negara besar saja; negara kecil seperti Malaysia juga mempunyai peranan.

Sikap bebas bertindak dan tidak dipengaruhi oleh sesiapa ini, termasuk mereka yang besar, telah membuat Datuk Sri Dr. Mahathir berani melawan arus, menentang dasar-dasar pelindung negara-negara industri, menentang penindasan dan pendirian pura-pura mereka yang menggalakkan ekonomi bebas tetapi menutup pasaran negara mereka kepada barangan dunia membangun.

Hasil pendirian bebas dan tidak tunduk pada telunjuk mana-mana pihak yang sudah mula, berhasil. Pandangan Malaysia mula diambil serius oleh negara-negara maju. Malah di bawah Datuk Sri Dr. Mahathir rakyat Malaysia boleh mengangkat kepata kerana kejayaannya menjadikan Kuala Lumpur sebuah kota yang bersih dan hijau yang sebelum ini dimiliki oleh Singapura yang begitu dikagumi oleh mereka yang pergi ke negara republik itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir sedar akan perkembangan itu dan beliau berazam untuk menjadikan Kuala Lumpur lebih bersih dan hijau daripada Singapura. Cita-cita ini sudahpun dipenuhi. Orang mengakui kebersihan dan kehijauan Kuala Lumpur kini mengatasi Singapura yang kita sanjung satu ketika dulu.

tersendiri
yang
boleh
membuat
orang
lain
tersentak
atau
meninggal-
kan
kejutan
terhadap
orang-
orang
di sekeliling-
nya



Datuk Sri Dr. Mahathir telah tidak bertindak tegas terhadap mereka. Ini pula membuat mereka berani sehingga setiap keputusan kerajaan yang mereka turut anggotai turut dipertikai. Mereka mula berani menggertak kerajaan untuk memenuhi desakan mereka bagi menyelesaikan penyelewengan yang berlaku dalam koperasi menyimpan deposit.

Mereka tampil mempersoal keputusan Kementerian Pendidikan menaikkan pangkat guru-guru Cina yang tidak terdidik dalam bahasa Mandarin menjadi guru besar dan penolong kanan di sekolah rendah Cina sehingga meniup api perkauman ke peringkat yang boleh mencetuskan rusuhan kaum.

Ini semua berani dilakukan kerana mereka melihat pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai lemah, teragak-agak dan tidak berani bertindak. Tetapi selepas tindakan beliau menahan di bawah ISA mereka yang telah membuat kenyataan-kenyataan perkauman dan menghasut perkauman termasuk dari UMNO atau terlibat dalam gerakan agama yang melampau, mereka tahu siapa Datuk Sri Dr. Mahathir sebenarnya.

Mulai peristiwa itu, mereka tidak lagi boleh 'take for granted' pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir seperti yang cuba diandai oleh masyarakat antarabangsa bila beliau menggantikan Tun Hussein Onn sebagai Perdana Menteri dalam tahun 1981.

Dunia luar memang mengharapkan bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir akan menerus-

Kejutan pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir yang bebas bertindak dan tidak tunduk pada pengaruh mana-mana pihak bukan saja dirasakan di luar negeri, tetapi juga di dalam negeri.

Sekiranya di masa lalu dalam tindak-tanduknya banyak mengikut nasihat perkhidmatan awam, tetapi di bawah Datuk Sri Dr. Mahathir keadaannya berbeza. Langkah pertama yang diambil oleh beliau ialah untuk mendisiplinkan kedatangan dan kepulangan kakitangan kerajaan itu sendiri dengan merakam waktu mereka datang dan pulang bekerja. Mereka juga diwajibkan memakai tanda nama. Nasihat yang mereka berikan dalam perancangan tidak semestinya diterima.

Rakyat Malaysia yang biasa dengan dasar yang tidak begitu liberal, tiba-tiba mendapati bahawa mereka mempunyai kebebasan untuk menyuarakan apa juga pandangan tanpa perlu takut ditahan di bawah ISA.

Dasar liberal Datuk Sri Dr. Mahathir juga telah membolehkan lebih banyak akhbar diterbitkan yang tidak sahaja memuatkan halaman mereka dengan bahan-bahan hiburan, skandal dan jenayah yang boleh melariskan jualan, tetapi berita-berita dan rencana politik yang mengkritik kerajaan untuk memikat pembeli. Etika kewartawanan telah dilahggar dan akta sensitif telah dilupakan ,

Penerbitan akhbar-akhbar ini ada kalanya

LIHAT MUKA 11

SAMBUNGAN DARI MUKA 9

menakutkan akhbar-akhbar yang sudah es- &fished kerana jika mereka terikat dengan acuan atau etika lama dalam membuat laporan, mereka lambat laun akan tidak dibeli apalagi dibaca oleh sesiapaupun. **MR 22 NOV 87**

Lantaran itu, ada antara akhbar-akhbar lama itu membuat *adjustment* untuk memenuhi selera pembaca yang semakin kritikal sesuai dengan dasar liberal kerajaan.

Akibatnya, sebuah akhbar yang dinaungi oleh sebuah parti politik dalam kerajaan dan mempunyai seorang yang berpengaruh sebagai pengerusinya mula memuatkan laporan-laporan yang panas sehingga mencabar dasar-dasar asas yang dipersetujui dalam tahun 1957.

Ini menyebabkan akhbar yang bersaing terpaksa mengikut rentak kerana jika tidak berbuat demikian, ia khawatir akan kehilangan pembaca dalam keadaan pasaran yang semakin sempit. Pertimbangannya sekarang ialah soal kantung yang perlu diisi. Dan inilah hakikat yang sudah dirasai oleh tiga buah akhbar yang sudah dibatalkan lesen penerbitan mereka yang menghadapi masalah kerana 2,000 orang pekerja yang bergantung pada mereka terpaksa diberi cuti untuk sementara atau dipersarakan lebih awal sekiranya lesen penerbitan mereka dibatalkan buat selama-lamanya.

Barangkali ini adalah pengajaran untuk akhbar-akhbar lain tentang perlunya lebih berhati-hati sekiranya mereka tidak mahu mengalami nasib yang sama seperti The Star, Sin Chew Jit Poh atau Watan. Ini kerana di bawah pemerintahan Datuk Sri Dr. Mahathir, apa saja boleh berlaku kerana beliau tidak memberi keistimewaan kepada sesiapa, termasuk kawan dan lawan.

Mereka yang didapati melebihi had yang beliau tetapkan sehingga boleh menggugat ketenteraman negara atau mencemar nama baik kerajaan tidak akan terlepas dari tindakan.

Ini terbukti berkaitan dengan penyelewengan yang berlaku dalam koperasi penyimpanan deposit tempoh hari.

Jika mahu Datuk Sri Dr. Mahathir boleh melindungi pemimpin - pemimpin parti dalam kerajaan yang didakwa terlibat dalam skandal kewangan yang menyebabkan mereka yang miskin kehilangan wang simpanan mereka. Tetapi Datuk Sri Dr. Mahathir telah tidak berbuat demikian. Sebaliknya menyerahkan kepada perjalan undang-undang untuk mengadili kebenaran atau kesalahan mereka.

Hal yang sama juga berlaku berkaitan dengan kunjungan New York *Philharmonic Orchestra* dalam tahun 1984. Lawatan orkestra itu telah mendapat bantalian banyak pihak di dalam negeri kerana ia akan memperdeharkan sebuah lagu Yahudi. Tetapi pihak-pihak yang tidak sensitif terhadap dasar lagu kita yang pro Palestin di Asia Barat menganggap bantahan itu sebagai remeh.

Malah sebuah akhbar Inggeris menulis sebuah rencana pengarang menyatakan tidak adasalahnya orkestra itu memainkan sebuah lagu Yahudi kerana ia cuma sebuah lagu dan tidak lebih dari itu.

Malah seorang menteri kanan kerajaan juga merasa pelik dengan bantahan dan desakan supaya lawatan itu dibatalkan. Datuk Sri Dr. Mahathir ketika itu berada di luar negeri. Apabila pulang di luar dugaan menteri kerajaan itu sendiri, Datuk Sri Dr. Mahathir telah membuat ulasan menyokong pihak-pihak yang telah membantah dengan berkata bahawa bukan saja kita patut sensitif pada perasaan orang lain, tetapi orang lain juga patut sensitif dengan perasaan kita. Akhirnya, pertunjukan muzik untuk golongan elit telah dibatalkan.

Itulah Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, seorang yang mempunyai cara bertindak yang bebas, tidak mudah dipengaruhi oleh sesiapa termasuk mereka yang rapat dengan beliau.

Imej ini pada satu ketika seolah-olah dicabar kesahihannya sejak akhir-akhir ini. Tetapi ketegasan beliau berkaitan dengan penahanan mereka yang boleh mengganggu ketenteraman negara baru-baru ini membuktikan pandangan itu adalah silap.

Siapa pun berasa lega kerana tindakan itu memperlihatkan bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir adalah tetap Datuk Sri Dr. Mahathir dan bahawa dalam membuat keputusan beliau tidak tunduk kepada pengaruh sesiapa kecuali pertimbangannya sendiri yang bebas.